

15/06/2002

Presiden serah perwakilan tentukan tarikh pemilihan

SUBANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada perwakilan Umno pada perhimpunan agung parti itu minggu depan sama ada mereka mahu menangguhkan pemilihan selepas pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, biarlah perwakilan Umno sendiri menentukan sama ada pemilihan parti itu mahu diadakan sebelum atau selepas pilihan raya.

"Itu untuk perwakilan bincang, bukan untuk saya tentukan," katanya ketika diminta mengulas saranan beberapa pihak dalam Umno termasuk Pemuda supaya pemilihan ditangguhkan bagi membolehkan jentera parti ditumpukan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir tiba dari lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Antara yang menyambut kepulangannya ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan beberapa orang timbalan menteri.

Umno akan mengadakan Perhimpunan Agung selama tiga hari bermula Khamis ini dan sehari sebelum itu diadakan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita selain konvensyen Puteri Umno.

Sebelum ini, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno pernah membayangkan kemungkinan pemilihan itu ditangguhkan bagi memberi tumpuan kepada pilihan raya umum akan datang.

Pemilihan Umno pernah ditangguhkan pada 1999 kepada tahun 2000 berikutan pilihan raya umum yang diadakan pada November 1999. Perlembagaan Umno membolehkan pemilihan ditangguhkan.

Walaupun mandat kerajaan sekarang akan hanya tamat pada akhir 2004, ramai percaya pilihan raya umum mungkin diadakan tidak lama lagi.

Apabila ditanya sekali lagi apakah beliau rasa perlu pemilihan dalam parti itu ditangguhkan sehingga selepas selesai pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir mengulangi bahawa beliau sendiri tidak tahu dan terpulung kepada perwakilan.

Mengenai kemungkinan Perhimpunan Agung Umno kali ini terakhir sebelum pilihan raya umum, Dr Mahathir secara berjenaka berkata:

"Mana anda (wartawan) tahu? Tak tahulah, saya tak tahu....barang kali anda tahu lebih, tak payahlah saya jawab, anda tahu lebih daripada saya."

Ditanya sama ada ucapan dasar atau penggulungannya di perhimpunan agung Umno nanti mempunyai kejutan atau pengumuman tertentu, beliau berkata: "Tak ada kejutan apa dah...macam biasa saja."

Katanya, beliau tidak mahu memberi bayangan awal apakah antara mesej dalam ucapannya itu nanti sehinggalah perwakilan sendiri mendengar inti pati itu nanti.

"Dengar ucapan saya baru ada mesej. Kalau habaq la ni (diberitahu sekarang ini), orang tak datang ke mesyuarat nanti, sebab dia dah tahu apa saya nak kata," katanya.

Dr Mahathir berkata, tiga usul akan dibentang nanti ialah usul terima kasih ucapan Presiden, pendidikan dan sosial serta agama.

(END)